

P A S A L A H P E L A K S A N A A N R A N C A N G A N
P E M U L I H A N K A M P U N G - S U A T U K A J I A N
(Kes Kajian: Mukim Sungai Daun, Kedah)

Oleh:

Abdul Aziz Bin Abdullah



Satu Tesis Yang Disediakan Untuk Memenuhi Sebahagian
Dari Syarat Untuk Penganugerahan

DIPLOMA LANJUTAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi Mara
Shah Alam.

November, 1981

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN & UKUR
JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH

Adalah disyorkan bahawa tesis ini yang disediakan oleh
Abdul Aziz bin Abdullah.

bertajuk Masalah Pelaksanaan Rancangan Kemuliharaan
Kampung - Suatu Kajian.

dibawah penyeliaan saya/kami diterima sebagai memenuhi
sebahagian dari syarat untuk Diploma Lanjutan Perancang
Bandar dan Wilayah.

Diluluskan oleh:

Ahmad Zamri bin Kamaruddin.

(_____)

PENYELIA UTAMA

(_____)

PENYELIA MADYA

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

SINOPSIS

Kajian ini dijalankan berdasar kepada keadaan taraf pembangunan masyarakat di kawasan luar bandar yang masih lagi ketinggalan didalam pembangunan negara. Walaupun telah dijalankan berbagai-bagai rancangan khusus didalam membantu ke arah usaha ini disetiap rancangan lima tahun negara, namun masih lagi tidak kelihatan pembangunan masyarakat ke taraf yang bererti.

Tumpuan kajian ini diberikan kepada pelaksanaan RPK sebagai usaha membangunkan masyarakat yang paling terbaharu. Tujuannya ialah untuk menilai kesan yang telah dicapai selama ianya dijalankan serta mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakannya. Berdasarkan kepada maklumat-maklumat ini objektif-objektif strategi akan dibentuk dalam usaha penyelesaian. Bidang kajian serta objektif kajian dibincangkan dalam Bab 1.

Sebagai permulaan kepada pemahaman pembangunan masyarakat, suatu latar belakang kepada pembangunan luar bandar di negara kita ini diberikan dalam Bab 2. Segala teknik dan konsep yang berkait diterangkan. Disini satu rumusan tentang RPK dibentangkan.

Bagi menilai kekesan pelaksanaan RPK, kes kajian di perlukan. Dalam memilih kes kajian, beberapa kriteria di ikuti supaya penyelidikanya akan memberi erti. Bab 3 menjelaskan kriteria-kriteria yang di ikuti lalu mengenal kan kawasan kajian yang telah terpilih. Perlu diingatkan bahawa kawasan kajian dijadikan contoh untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan RPK.

Batelah ditentukan kawasan kajian, penyelidikan soal-selidik dijalankan. Perbincangan akan maklumat-maklumat yang telah dikumpul dibuat pada Bab 4. Di sini perbandingan dilakukan sebelum dan selepas RPK dilaksanakan. Serentak dengan itu masalah-masalah dikenal pasti.

Bab 5 memberi senarai masalah-masalah utama yang dikenal pasti. Masalah-masalah ini dikaji melalui Teknik Masalah Perhubungan di mana sebab akibat setiap masalah itu ditentukan. Objektif dan strategi penyelesaian terhadap pelaksanaan RPK itu pun ditentukan pengkaitanya.

Maka Bab 6 pula merumuskan stratei-strategi yang telah ditentukan tadi serta memberikan cadangan-cadangan yang perlu diubahsuaikan mengikut kehendak-kehendak tempatan.

Dalam menutup kajian ini, dicadangkan pula agar kajian-kajian seumpama ini diacakan bagi memastikan kekesanan KPK dikawasan-kawasan yang mempunyai kehendak-kehendak yang berbeza pula.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia utama tesis ini Encik Ahmad Zamri Kamaruddin yang telah memberi berbagai-bagai pandangan, tunjuk ajar dan nasihat-nasihat berguna sehinggalah penyiapan kajian ini selesai dengan sempurna.

Rasa terhutang budi dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih khusus saya tujukan kepada semua penduduk-penduduk kawasan kajian yang telah terlibat didalam penyelidikan soal selidik. Kerjasama dan budi baik yang telah diberikan oleh mereka telah meringankan soal selidik dan sangat-sangat dihargai.

Saya juga ingin mengajukan terima kasih saya kepada pihak tertentu seperti jabatan-jabatan kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi serta orang peseorangan, sama ada terlibat secara langsung atau tidak didalam penyelidikan tesis ini. Tanpa pertolongan mereka penulisan tesis ini mungkin tergendala.

Saya berbesar hati di atas segala kerja yang telah dilakukan oleh Kak Juriah bt. Abdul Ghani dalam menaipkan semula

deraf tesis ini. Dan kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang telah memberi galakan dan semangat, salam hormat dari saya.

Akhir sekali, segala rasa penghargaan ditujukan khas kepada yang telah sabar menanti, Emak dan Eapak.

Abdul Aziz

Jabatan Perancang Bandar & Wilayah
Institut Teknologi Mara

November, 1981

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

KANDUNGAN

KANDUNGAN

LEKAL SENARAI

SINOPSIS	i
PENCHARAGAN	iv
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI PELAN	xv
SENARAI RAJAH	xvi
KEPENDEKKAN.	xvii
1.0 PENGENALAN	1
1.1 Bidang Kajian.	4
1.2 Matlamat Dan Objektif	6
1.2.1 Matlamat Utama	7
1.2.2 Objektif Kajian	7
1.3 Kaedah dan Pembatasan.	8
2.0 PEMBANGUNAN MASYARAKAT SEPINTAS LALU	12
2.1 Definasi Pembangunan Masyarakat	12
2.1.1 Definasi Umum.	12
2.1.2 Definasi Tempatan.	13

BUKA SURAT

2.2	Konsep Pembangunan Masyarakat Sebagai Suatu Sistem.	14
2.2.1	Pembangunan.	14
2.2.2	Masyarakat.	16
2.2.3	Pembangunan Masyarakat.	16
2.3	Latarbelakang Kepada Pembangunan Masyarakat.	17
2.3.1	Faktor Yang Menjadikan Pembangunan Masyarakat Penting.	18
2.3.2	Latarbelakang Pembangunan Luar Bandar.	20
2.3.3	Latarbelakang Pembangunan Masyarakat.	21
2.4	Teknik-teknik Yang Di amalkan.	23
2.4.1	Teknik Buku Merah.	23
2.4.2	Arahan No: 1, Majlis Tindakan Negara.	25
2.4.3	Penyataan Masalah Rancangan.	30
2.5	Rancangan Pemulihan Kampung - Suatu Strategi Baru.	32
2.5.1	Tujuan Rancangan Pemulihan Kampung.	33
2.5.2	Program Dan Strategi.	34
2.5.3	Pembangunan Fisikal.	35
2.5.4	Pegawai Pengerak.	36

MUKA SURAT

2.6	Kesimpulan	36
3.0	KES KAJIAN	41
3.1	Kriteria Pemilihan Kampung.	42
3.1.1.	Bilangan Contoh Terbanyak.	42
3.1.2	Kawasan Tumpuan.	43
3.1.3	Ciri Persamaan.	44
3.1.4	Keluasan.	45
3.2	Pemilihan Kawasan Kajian.	45
3.2.1	Faktor Yang Memberi Persamaan.	45
3.2.2	Bilangan RPK Terbanyak Sebagai Contoh.	46
3.2.3	Sampel Yang Optima.	49
3.3	Pengenalan Kepada Kawasan Kajian.	50
3.3.1	Lokasi.	50
3.3.2	Perletakan Kampung Dan Perumahan.	50
3.3.3	Penduduk	56
3.3.4	Kegunaan Tanah.	56
3.3.5	Sistem Perhubungan.	60
3.3.6	Kemudahan Sosial.	61
3.3.7	Aktiviti Sosial.	67
3.4	Rumusan.	69

	<u>MUKA SURAT</u>
4.0	KESAN PELAKSANAAN RANCANGAN YANG TERCAPAI. 71
4.1	Keadaan Kampung Sedia ada. 71
4.1.1	Taraf Kemajuan Fisikal. 72
4.1.2	Taraf Kemajuan Ekonomi. 81
4.1.3	Taraf Kemajuan Sosial. 84
4.2	Soal Selidik Kesan Rancangan. 87
4.2.1	Penduduk. 87
4.2.2	Pekerjaan Dan Pendapatan 90
4.2.3	Perumahan dan Kemudahan Asas. 94
4.2.4	Kemudahan Awam Dan Sosial. 98
4.2.5	Organisasi Tempatan. 103
5.0	PEMBENTUKAN OBJEKTIF. 106
5.1	Senarai Masalah-Masalah Yang Di Kesan. 108
5.1.1	Pemulihan Rumah. 108
5.1.2	Pengadaan Infrastruktur Sosial. 108
5.1.3	Pengadaan Kemudahan Kemasyarakatan. 109
5.1.4	Peningkatan Usaha Ekonomi. 109
5.2	Menentukan Masalah Utama Dalam Pelaksanaan Rancangan. 110

	<u>MUKA SURAT</u>
5.2.1	Kaedah Penggunaan Metrik Perhubungan. 111
5.3	Pembentukan Objektif. 121
5.4	Pembentukan Strategi. 128
6.0	RUMUSAN STRATEGI DAN CADANGAN. 132
6.1	Strategi Penyediaan Masalah. 132
6.1.1	Objektif A 132
6.1.2	Objektif E 139
6.1.3	Objektif F 142
6.1.4	Objektif G 145
6.1.5	Objektif D 147
6.1.6	Objektif B 148
6.1.7	Objektif C 149
6.2	Penyelesaian Masalah Kawasan Kajian. 150
6.2.1	Memusatkan Kemudahan Asas 150
6.2.2	Memperbaiki Jalan Kampung 151
6.2.3	Kesampaian Kepada Kemudahan kemudahan. 152
6.2.4	Menjalankan Kelas Ekonomi, Bimbingan dan Pelajaran. 152
6.2.5	Menyelaraskan Aktiviti. 154
6.2.6	Menempatkan Semula Rumah-rumah. 154

MUKA SURAT

6.2.7	Menjalankan Kerja Pemulihan Secara Gotong Royong.	155
6.3	Kesimpulan Cadangan.	155
6.3.1	Faktor Ekonomi	155
6.3.2	Faktor Sosial	157
6.3.3	Faktor Fisikal	159
6.3.4	Faktor Pelaksanaan.	160
7.0	PENUTUP.	161
	Bibliografi	164
	Lampiran	

SENARAI GAMBAR.

<u>BIL.</u>		<u>BUKA SURAT</u>
1.	Sistem Perhubungan.	54
2.	Kampung Jenis Selari	54
3.	Kampung Jenis Kelompok.	55
4.	Kampung Jenis Taburan.	55
5.	Rumah Kampung.	57
6.	Sistem Taliair MULA.	57
7.	Sekolah Rendah.	63
8.	Rumah dan Klinik Bidan.	63
9.	Masjid.	65
10.	Balairaya.	65
11.	Perletakan Kampung.	78
12.	Bekalan Air Perigi.	78
13.	Jalan Tanah Merah.	101

SENARAI JADUAL

<u>BIL.</u>		<u>HALAMAN</u>
1.	Bilangan RPK Di Daerah Yan.	47
2.	Bilangan Sampel Soal Selidik.	48
3.	Bilangan Penduduk Mengikut Keluasan Kampung.	73
4.	Bilangan Rumah dan Isi Rumah.	73
5.	Pembinaan Sistem Perhubungan.	76
6.	Hak Milek Kenderaan dan Perkhidmatan Awam.	76
7.	Pembekalan Kemudahan Asas.	80
8.	Kemudahan Sosial	80
9.	Punca Pendapatan (Keluarga)	83
10.	Gulungan Pendapatan (Keluarga)	83
11.	Bilangan Projek	86
12.	Gulungan Umur Responden.	88
13.	Taraf Pelajaran Responden.	88
14.	Pekerjaan Responden.	90
15.	Bilangan Tanggungan Responden.	92
16.	Gulungan Pendapatan.	93
17.	Keluasan Hak Milik.Tanah.	93
18.	Bahan Binaan Rumah.	96
19.	Bilangan Bilik	97
20.	Bantuan Pembaikan Dari Kerajaan.	97

<u>BIL.</u>		<u>MUKA SURAT</u>
21.	Pembekalan Keperluan Asas.	99
22.	Sistem Perhubungan (Bilangan Rumah)	99
23.	Organisasi Tempatan.	104
24.	Contoh Pengkaitan Masalah Nombor 9.	113
25.	Pengkaitan Faktur sebab Akibat antara Masalah.	114
26.	Fengasingan Faktur sebab akibat Masalah.	116
27.	Jumlah Mata Pengkaitan Masalah.	117
28.	Mata Perolehan dan Suasana Kepentingan.	118
29.	Susunan Rangkaian Masalah Terpenting.	120
30.	Objektif Yang Dicadang.	122
31.	Syarat-syarat Pencapaian Objektif.	124
32.	Bahan-bahan Pencapaian Objektif.	129

SENARAI PELAN

<u>BIL.</u>		<u>MUKA SURAT</u>
1.	Lokasi Kawasan Kajian.	51
2.	Perletakan Kampung.	52
3.	Guna Tanah.	59
4.	Kemudahan Sosial.	62
5.	Aktiviti Sosial.	68

SENARAI RAJAHMUKA SURAT

1.	Kedudukan Pejabat Daerah Dalam Jentera Pentadbiran Negeri.	26
2.	Sistem Bilek Gerakan.	27
3.	Peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung.	29
4.	Rangkaian Objektif.	127
5.	Rangkaian Strategi.	131

KEFENDEKKAN

1. JKKK - Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung.
2. KEMAS - Bahagian Kemajuan Masyarakat.
3. KNK - Keluaran Negara Kasar.
4. MLDA - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda.
5. RILA - Perbadanan Kemajuan Perindustrian Luar Bandar.
6. RPK - Rancangan Pemuliharaan Kampung.
7. TABIKA - Taman Bimbingan Kanak Kanak.
8. TMP - Teknik Metrik Perhubungan.
9. UPE - Unit Perancangan Ekonomi
10. UPSE - Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi.

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

BAB 1

FOTOSTAT TIDAK DIGENAP 1010

1.0 PENGENALAN

Kawasan luar bandar didapati mengalami berbagai-bagai masalah sejak dari tercapainya kemerdekaan lagi. Sebelumnya, pemerintahan kolonial tidak menghiraukan akan keadaan ini sebab tumpuan adalah terhadap keselamatan dan pembangunan ekonomi. Pihak pemerintah yang mengambil alih kuasa, mula sedar akan ketidak-seimbangan yang terdapat diantara kawasan bandar dan luar bandar.

Dari segi penyediaan infrastruktur sosial dan kemudahan asas, kawasan luar bandar masih lagi berkurangan. Di-setengah-setengah tempat pula ada yang tidak mempunyainya langsung. Dari segi ekonomi, taraf pendapatan purata jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan kawasan bandar. Secara am, boleh dikatakan yang kawasan luar bandar jauh ketinggalan dalam semua aspek-aspek pembangunan terutama sekali taraf hidup masyarakat.¹

Dengan kesedaran ini, kerajaan telah cuba untuk memperbaiki ketidak-seimbangan itu. Berbagai-bagai rancangan dan projek telah di gubal dan di jalankan untuk mengubah hidup masyarakat luar bandar. Usaha ini juga jelas terbukti di dalam rancangan-rancangan lima tahun negara di mana tumpuan adalah terhadap sektor luar bandar.

Namun demikian, setelah berlalunya tiga rancangan lima-tahun negara, perubahan-perubahan dan pencapaian-pencapaian yang dialami masih lagi tidak mencapai hasrat dan tujuan kerajaan. Kebanyakan daripada kampung-kampung yang terletak di kawasan luar bandar masih lagi mempunyai ciri-ciri yang dianggap mundur. Keadaan ini terbukti apabila satu kajian yang dijalankan oleh Unit Perancangan Ekonomi (UPE) pada tahun 1978 terhadap 4027 kampung di seluruh negara. Apabila dikelasifikasikan, terdapat hanya 2% sahaja di dalam kumpulan A.* Selainnya adalah di dalam kumpulan C.

Telah disebutkan bahawa berbagai-bagai pendekatan telah diambil untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat luar bandar. Ini termasuk bantuan kewangan dan kemudahan peralatan yang disalurkan melalui projek-projek pertanian, perubatan serta juga persatuan-persatuan yang terdapat diperingkat kampung. Disamping itu rancangan-rancangan pembangunan yang mempunyai objektif-objektif tertentu telah diadakan umpamanya Geraktani, Gerakan Pembaharuan dan Rancangan Desa Usaha. Pada keseluruhannya, tujuan utama rancangan-rancangan ini ialah untuk meninggikan

* Klasifikasi ini diterang dengan lebih lanjut dibahagian 2.5

pendapatan masyarakat. Secara tidak langsung ianya akan memperbaiki taraf hidup masyarakat tersebut.

Memandangkan pendekatan-pendekatan yang dijalankan selama ini kurang ataupun tidak memberikan kesan yang diinginkan, maka suatu lagi pendekatan baru yang mana konsepnya berbeza dari yang sudah-sudah dicuba. Strategi baru ini, yang lebih melibatkan masyarakat luar bandar itu sebagai suatu kumpulan atau 'komuniti', telah dikenali sebagai Rancangan Pemulihan Kampong (RPK). Rancangan ini baru sahaja dijalankan iaitu pada tahun 1978 dan sehingga kini hanya Kedah dan Trengganu sahaja yang mengimplementasikannya secara meluas.²

Berdasarkan kepada pembaharuan inilah kajian ini dijalankan. Tumpuan utama diberikan kepada komuniti atau masyarakat sesebuah kampung itu sendiri. Ini bertujuan untuk memperlihatkan sebarang perubahan yang berlaku setelah diadakan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat. Perlu dinyatakan di sini bahawa aspek-aspek pembangunan yang disentuh hanyalah seperti mana yang disarankan oleh konsep RPK itu sahaja iaitu:-

- i. Pemulihan rumah-rumah,
- ii. Mengadakan kemudahan infrastruktur